

# 'Tsunami' landa hutan Arkansas

16 terbunuh, berpuluh-puluh lagi hilang tapak perkhemahan kena banjir kilat

Berita harian 13/06/2010 M/S 34

**Q**UACHITA: Banjir kilat umpama 'tsunami' melanda sebuah tapak perkhemahan di Arkansas, Amerika Syarikat, menyebabkan sekurang-kurangnya 16 orang terbunuh dan berpuluh-puluh lagi hilang.

Mangsa terselamat memberitahu air menyerang 'seperti tsunami' di tengah malam ketika dua sungai melimpah akibat hujan lebat.

Aliran air memusnahkan kabin kayu, menghanyutkan kenderaan dan khemah bersama penghuninya, termasuk kanak-kanak.

Bencana itu berlaku di Hutan Simpan Kebangsaan Ouachita di Arkansas, yang terkenal dengan pemandangan hebat dan popular dengan pendaki dan keluarga bercuti dengan kenderaan rekreasi.

Di tengah operasi menye-



SEBUAH kabin rosak selepas banjir kilat melanda kawasan perkhemahan Albert Pike di Arkansas, kelmarin.

lamat, jumlah kematian yang disahkan pada mulanya dilaporkan berjumlah 20 orang dikurangkan kepada 16.

Seramai 24 orang dibawa ke hospital dan 60 diselamatkan dari kawasan tinggi. Penyelamat menanggukkan pencarian mangsa hilang membabitkan helikopter, kuda, kenu dan kayak diteruskan sejak malam kelmarin.

Seorang mangsa yang terselamat, Angela Chriss, yang berkhemah dalam hutan itu bersama sembilan anggota keluarganya tidak dapat menahan tangisan ketika menggambarkan kejadian.

Beliau memberitahu stesen televisyen tempatan: "Kami dihanyutkan air deras. Ia naik setinggi lapan kaki (2.44 meter) dalam tempoh 35 minit. Nasib baik ada pokok dan kami memanjat sampai ke puncak dan air berada di bawah kami.

"Anak lelaki saya berusia 16 tahun berkhemah 100 meter dari kami dan dia datang ke arah kami dibawa arus. Dia menjerit ibu, ayah, to-

long diselamatkan saya, saya lemas." Cucu lelakinya berusia empat tahun hanyut bersama ibu mereka dan mereka turut melihat tiga mayat.

Chriss dan semua anggota keluarganya terselamat dalam bencana itu. Katanya: "Saya tahu ada beberapa rakan rapat kami tidak berjaya diselamatkan."

Ginger Autry, yang anak lelakinya, Jace, 13, masih hilang memberitahu stesen televisyen: "Saya hanya mahu anak saya kembali. Saya mahu melihat wajahnya. Saya mahu dia pulang ke rumah."

Anaknya ditemui masih hidup dan dipertemukan dengan Autry. Seorang lagi mangsa, Crystel Hofer, yang tidur dalam kabinnya memberitahu *ABC News*:

"Pada jam 2 pagi kami mendengar kanak-kanak dan wanita menjerit dan menangis, justeru kami membuka pintu dan mereka cuba memanjat bukit di mana kabin kami terletak dan melarikan diri daripada air yang semakin naik," katanya. - Agensi



**GAMBAR** dari udara menunjukkan kawasan perkhemahan Albert Pike, rosak teruk selepas dilanda banjir kilat.